

25/03/1999

Media elektronik abaikan sastra

Wan Marzuki Wan Ramli

MUTAKHIR ini isu terpinggirnya sastra terutama dalam sistem pendidikan kita terus diperkatakan. Hal ini disentuh dengan panjang lebar oleh Misran Rokimin (Berita Harian, 11 Februari 1999) dan Izani Zakaria (Berita Harian, 6 Mac 1999).

Selama ini biarpun sastra masih dianggap sesetengah pihak sebagai bidang yang tidak mampu mendatangkan keuntungan dan menjadi milik individu tertentu, namun hakikatnya ia terus segar dalam menghiasi halaman media khususnya media cetak.

Sebahagian besar akhbar utama dan majalah tempatan, malah majalah hiburan masih menyediakan ruang kepada peminat sastra sama ada untuk mereka yang berminat menikmati dan menghayati keindahan genre sastra yang dimuatkan atau untuk penulis menulis karya mereka.

Di samping pelbagai ruangan tetap, kehadiran satu atau dua halaman sastra pasti menyerikan lagi variasi khalayak pembaca.

Alhamdulillah, sastra tidak pernah terpinggir di media cetak. Akhbar utama mempunyai ruangan khas untuk sastra dan budaya. Berita Harian khususnya mempunyai halaman tetap bagi peminat sastra dan budaya berkongsi idea pada setiap keluarannya.

Namun, rasa terkilan masih berbenih apabila melihat sastra yang agak terpinggir di media elektronik. Suatu ketika dulu, ada beberapa pihak yang agak prihatin membangkitkan isu jauhnya sastra daripada pandangan pendukung media elektronik.

Hasilnya, tidak lama kemudian, radio khususnya mula memberikan perhatian dengan mewujudkan beberapa program yang berbentuk kebahasaan dan kesusasteraan.

Dengan kesediaan dan komitmen yang baik daripada beberapa pihak, media elektronik yang selama ini ketat dengan dasar penyiaran yang mementingkan nilai komersil, mula mengambil usaha menyemarakkan seni sastra tanah air.

Siaran Radio 3 (kini dikenali Radio Malaysia mengikut nama negeri) turut mengambil usaha yang sama. Rancangan Sudut Sastra umpamanya begitu intim dengan peminat sastra ketika itu.

Rancangan berkenaan mengisi laporan akitiviti sastra dan temu bual dengan penulis undangan di samping menyiarkan hasil karya kreatif yang dikirimkan pendengar kepada penerbit.

Di Radio Satu (kini Radio Malaysia Saluran Satu) pula pernah diwujudkan rancangan Bunga Bangsa, Ruangan Cerpen, Ilham Cipta, Dari Pendengar Untuk Pendengar dan beberapa rancangan lain berkonsepkan bahasa dan sastra.

Ternyata rancangan itu mendapat maklum balas yang baik daripada pendengar melalui penyertaan membanggakan.

Ruangan Cerpen, Bunga Bangsa dan Ilham Cipta umpamanya, membuka peluang luas untuk peminat sastra dalam genre puisi, cerpen dan ulasan lirik lagu pilihan.

Rancangan Dari Pendengar Untuk Pendengar menyiarkan pendapat bernas yang dikirimkan pendengar mengikut tajuk tertentu.

Perkara menarik dalam rancangan itu ialah sebahagian besar tajuk yang perlu diulas pendengar adalah kumpulan peribahasa yang tidak asing di kalangan masyarakat Melayu.

Pendapat yang tepat dan sesuai dengan contoh berdasarkan peribahasa yang diberi akan dipilih untuk disiarkan.

Bukan itu saja, ada juga beberapa rancangan lain yang dikhaskan kepada anggota keselamatan, petani, siswa dan remaja bagi menyiarkan hasil karya

kreatif pada akhir rancangan.

Namun, lama-kelamaan lantaran mengikut perubahan dan keperluan semasa yang lebih banyak didominasi keuntungan material, perhatian kepada rancangan berbentuk kebahasaan dan kesusasteraan kian pudar dan layu. Bidang sastera mula dilihat tidak ke mana arah dan hasilnya.

Lantaran itu, satu persatu rancangan berkenaan dihentikan siarannya. Penyusunan dan penjadualan baru rancangan di saluran radio mula meminggirkan sastera dan budaya daripada senarai penerbitan. Sementara rancangan berbentuk hiburan maklumat semasa diperbanyakkan di samping menambah ruang untuk permintaan lagu hiburan.

Satu-satunya rancangan yang dikekalkan adalah siaran drama yang masih membuka ruang untuk penulis skrip drama berkarya. Tetapi dalam kesuraman ekonomi sekarang banyak drama yang disiarkan terutama melalui saluran satu adalah siaran ulangan.

Televisyen juga semakin tidak menjadi wadah penyambung lidah sastera. Seperti saluran radio, rancangan drama di televisyen yang selama ini membuka peluang agak luas kepada penulis skrip drama, mula menguncup serinya. Banyak saluran TV mengambil keputusan menyiarkan semula drama lama, bersesuaian langkah penjimatan sekarang.

TV3 suatu ketika pernah menyiarkan rancangan Pujangga yang menampilkan beberapa segmen seni termasuk adat Melayu melalui tarian dan persembahan kebudayaan yang diwarisi sekian lama. Turut disajikan adalah bacaan puisi oleh penyair tempatan yang dirakamkan pada majlis bacaan puisi dan sayembara deklamasi puisi.

Sebelum itu, kalau masyarakat masih ingat RTM pernah menerbitkan rancangan Sudut Seni untuk beberapa waktu. Sayangnya rancangan itu juga mati tidak berkubur.

Saya percaya orang yang sama masih sanggup menerbitkan semula Sudut Seni untuk media elektronik jika diberi peluang. Seperti yang ramai maklum, Sudut Seni terbitan RTM suatu waktu dulu memang mendapat sambutan hangat daripada khalayak.

Jika Pena atau Akademi Penulis diberi peluang menghidupkan rancangan Sudut Seni atau Pujangga, organisasi itu sanggup melakukannya.

Dalam pada itu, pihak swasta dan korporat hendaklah bekerjasama memastikan rancangan seperti itu terus hidup dan berkembang maju.

Walaupun pengisian rancangan Pujangga belum menyeluruh dan menepati cita rasa peminat sastera, kewujudannya tetap membanggakan.

Namun, oleh kerana program sastera yang selalu dianggap kecil penontonnya, maka usia rancangan itu juga tidak kekal lama.

Tetapi hakikat yang juga harus diakui ialah ruangan Pujangga amat lemah dan kurang bermutu.

Jika orang berpengalaman dan berpengetahuan dalam dunia seni diberi peluang menghidupkan rancangan itu, saya percaya ia akan berjaya. Banyak bahan boleh dimasukkan. Tidak saja aktiviti baca puisi, lagu puisi, pelakon dan golongan popular membaca puisi, juga boleh dimasukkan aktiviti drama yang muncul setiap bulan.

Selain itu, aktiviti Balai Seni Lukis Negara dengan barisan pelukis Malaysia bertaraf antarabangsa juga boleh dijadikan bahan siaran.

Apabila hal itu dapat dilakukan, bahan sastera tidak saja boleh dipasarkan atau disiarkan melalui media elektronik di Malaysia, malah ia boleh digunakan di sekolah sebagai bahan pengajaran sastera dan dijual ke luar negara.

Khalayak sastera mendambakan rancangan yang boleh menjadikan sastera dan budaya sebagai wadah dengan pengisiannya merangkumi pelbagai sari sastera.

Sebaik-baiknya, ruangan itu dihiasi laporan aktiviti sastera dan budaya di seluruh negara, temu bual dengan tokoh penulis dan menyiarkan hasil karya sastera.

Apa yang selalu dimusykilkan ialah kesediaan pihak media elektronik untuk menerbitkannya. Saya percaya selagi mereka masih didominasi oleh polisi dan tuntutan komersil, maka selagi itulah sastera terus terpinggir di saluran radio dan televisyen kita.

Oleh sebab itu, rancangan Sembang-Sembang Sastera yang masih ke udara di Radio Satu hanya berkonsepkan temu bual antara DJ dan tetamu undangan (lazimnya individu dari DBP. Apakah tidak ada individu luar DBP yang tahu mengenai sastera? Itu pun satu hal juga).

Tidak ada pengisian lain dibuat bagi menyerikan rancangan itu kerana apa juga perubahan dan penambahan slot, ia membabitkan kos.

Khalayak sastera khasnya dan seni serta budaya amnya, tentu mengharapkan kesusasteraan tanah air terus dimartabatkan melalui pelbagai wadah. Ia bukan lagi menjadi milik pihak tertentu kerana sastera juga mampu memberi sumbangan besar terhadap pembangunan tamadun dan kemanusiaan insan.

Lagi pun, dalam Wawasan 2020, Perdana Menteri, Datuk Seri Mahathir Mohamad tidak menyatakan kita hanya ingin maju dalam ekonomi, sebaliknya beliau mengingatkan yang kita ingin maju serentak dalam ekonomi dan budaya.

Media elektronik tetap berperanan besar dalam menyebar luas unsur kebahasaan dan kesusasteraan kerana kedua-duanya turut membekalkan mesej dan ilmu kepada seluruh warga negara.

Umum mengakui bidang sastera juga boleh menyentuh minda dan perasaan insan. Ia juga dapat mengasah sensitiviti yang ada dalam diri agar lebih peka apabila berdepan atau melihat sesuatu.

Mereka akan segera berfikir dengan akal yang dianugerahkan Allah untuk mengambil tindakan atau merumuskan jalan terbaik dan bermaruah pada landasan rasional.

Mendengar dan menonton rancangan berkonsepkan sastera melalui saluran radio dan televisyen turut mempercepatkan proses penghantaran mesej dan ilmu kepada pendengar dan penonton kerana kedua-dua saluran media itu berpengaruh dalam kehidupan insan. Tinggal lagi, pendekatan dan skop yang dibawa perlu dilaksanakan dengan kreatif dan menarik.

Alangkah baiknya kalau pihak tertentu seperti Pena yang begitu aktif diberi peluang menggerakkan usaha itu melalui jalinan persefahaman dan kerjasama. Saya fikir tentulah hasrat baik itu boleh direalisasikan.

Kalaupun rancangan berkonsepkan sastera dan budaya sukar diterbitkan kerana tiada syarikat atau agensi yang sanggup menaja, ini tidak bermakna sastera harus dipinggir dan diabaikan secara berterusan.

Barangkali dengan anggapan begitulah mendorong media elektronik lebih berminat mencari bidang yang boleh memberi pulangan material, sedangkan pada masa yang sama berlaku pengabaian kepada bidang lain yang turut berperanan besar melahirkan insan yang menghayati dan mengamalkan nilai hidup murni.

Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan atau Kementerian Belia dan Sukan melalui Rakan Seni Budaya dengan kerjasama badan penyiaran tentu mampu menyediakan sedikit ruang dalam hal ini.

Rasanya, badan bahasa dan persatuan penulis di seluruh tanah air pasti memberi kerjasama dan komitmen sebaik mungkin andainya ada usaha tertentu dibuat bagi merealisasikan.

Sastera sebetulnya harus tetap segar setiap masa termasuk melalui gelombang radio dan skrin televisyen.

(END)